



SIDANG MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

MENGENAI PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

9 FEBRUARI 2021

MUKADIMAH

Sejak negara melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), saya sedar ramai yang terkesan dari segi ekonomi. Ada yang terpaksa gulung tikar dalam perniagaan dan peratus pengangguran meningkat.

Menurut laporan dari Jabatan Perangkaan Malaysia, **kadar pengangguran meningkat kepada 4.8 peratus atau 772.9 ribu orang pada Disember 2020**. Namun demikian dengan **pelaksanaan PKP 2.0** ini, kita dapat **jangkakan** bahawa **keadaannya lebih membimbangkan** lantaran **aktiviti ekonomi** yang terhad dan pergerakan awam yang terbatas.

Biarpun **bilangan penduduk bekerja** pada bulan terakhir tahun lalu **meningkat kepada 0.1 peratus atau bersamaan dengan 19.3 ribu orang kepada 15.22 juta orang** namun dengan situasi hari ini kita akui akan mencatatkan penurunan yang akan menyumbang kepada kesan sosial rakyat secara langsung.

Hal tersebut sememangnya sudah dijangka oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melalui United Nations Children's Fund (UNICEF) dan United Nations Population Fund (UNFPA) yang mendapati bahawa banyak isi rumah yang belum pulih dari krisis pandemik Covid-19 tahun lalu namun jika terpaksa berdepan sekali lagi dengan keadaan yang sama maka dijangkakan lebih teruk malah kadar pengangguran dikalangan ketua isi rumah juga akan meningkat sekali ganda.

Perkara ini memberi kesan negatif kepada perancangan masa hadapan bukan hanya dalam keluarga tetapi juga kepada negara, malah lebih teruk apabila mengakibatkan kesihatan mental rakyat juga.

Menyedari hakikat ini, sedikit demi sedikit kerajaan mengambil pendekatan untuk melonggarkan sektor ekonomi. Kerana apa? Kerana kelangsungan hidup mereka yang terkesan dek kerana pandemik COVID-19.

Saya amat terkesan... sedih apabila membaca laporan berita ada ibu yang terpaksa mencuri hanya untuk mendapatkan keperluan anak.

Sebab itu, kerajaan menekankan kelonggaran kepada perniagaan mikro, mereka yang bergantung harap kepada pendapatan harian.

Terbaru, apabila kerajaan memberi kelonggaran kepada peniaga pasar malam, car wash dan kedai gunting rambut, saya mendapat maklum balas yang sangat positif.

Tetapi, kebenaran yang diberikan bukannya dibuat sewenang-wenangnya kerana kita berpandukan kepada data-data yang diperolehi daripada agensi terlibat seperti KKM dan MKN.

Daripada data-data yang diperolehi, kerajaan juga berpendapat sektor ini bukan penyumbang kepada kluster COVID-19.

Selain itu, kerajaan juga mengambil kira ramai yang bekerja di sektor ini, hilang punca pendapatan kerana perniagaan tidak beroperasi.

Kebenaran yang diberikan adalah berpandukan kepada SOP-SOP yang ketat. Tetapi, sekiranya ada kes baharu direkodkan di premis-premis terlibat, operasi perniagaan mereka akan ditutup serta merta.

Apa yang saya harapkan adalah kepatuhan kepada SOP. Janganlah kita leka atau alpa apabila kelonggaran ini diberikan. Kita harus sedar bahawa kepatuhan kepada **SOP SANGAT PENTING**.

Kita perlu sentiasa mengekalkan penjarakan sosial selain menekankan kebersihan diri dalam setiap masa. Kepatuhan ini bukan untuk sesiapa tetapi adalah demi DIRI SENDIRI dan KELUARGA YANG TERSAYANG.

Pembukaan Sektor Peruncitan

- Atas justifikasi itu juga, Sidang Khas MKN semalam bersetuju untuk membuka baki keseluruhan sektor perniagaan peruncitan bagi memastikan kelangsungan ekonomi khususnya kepada para peniaga kecil.

- Sektor-sektor tersebut adalah:
 - Kedai pakaian, fesyen dan aksesori
 - Kedai Kasut
 - Kedai barang fotografi/ perkhidmatan fotografi
 - Kedai barangan terpakai
 - Kedai bunga/ nurseri
 - Kedai kraftangan dan cenderahati
 - Kedai antik

- Kedai alat permainan
 - Kedai permaidani
 - Kedai kandungan kreatif/ peralatan industri kreatif
 - Kedai outdoor
 - Kedai peralatan sukan
 - Barangan rumah dan peralatan dapur
 - Kedai kosmetik, penjagaan kulit dan minyak wangi
 - Kedai tembakau
 - Kedai aksesori kenderaan
 - Restoran (dine-in)
 - Ar-Rahnu
- **SOP am** bagi pembukaan sektor-sektor ini adalah seperti berikut:
 - Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan 3 kali sehari dalam tempoh operasi.
 - Mewajibkan pekerja dan pelanggan memakai pelitup muka (face mask) semasa berada di dalam premis.
 - Pelanggan dengan suhu 37.5°C dan ke atas tidak dibenarkan untuk masuk ke dalam premis.
 - Hand sanitizer disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum masuk ke premis.
 - Memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke premis.
 - Memastikan kehadiran pekerja dan pelanggan direkodkan secara manual atau aplikasi MySejahtera.
 - Penjarakan fizikal 1 meter semasa berada di premis.
 - Menghadkan bilangan pelanggan berada di premis pada satu-satu masa.
 - Digalakkan membuat bayaran secara elektronik.
 - Bagi **kedai pakaian**, pemilik premis **perlu menyediakan sarung tangan pakai buang** kepada pelanggan untuk memilih pakaian.

- Bagi **kedai kosmetik**, penjagaan kulit dan minyak wangi, hanya aktiviti jual beli sahaja dibenarkan. Rundingan secara bersemuka serta penggunaan *cosmetic testers* adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Bagi **kedai barang fotografi/ perkhidmatan fotografi**, penggunaan studio hanya melibatkan seorang pelanggan dan jurugambar sahaja. Penggunaan studio penggambaran (kecuali perkhidmatan gambar passport, visa dan lesen) adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Kebenaran ini akan **bermula pada 10 Februari 2021**.
- Senarai awal yang telah dibenarkan boleh dirujuk di laman sesawang KPDNHEP dan MKN.
- Sekiranya ada perubahan dari semasa ke semasa, senarai akan diumumkan oleh KPDNHEP.
- Aktiviti penjualan makanan dibenarkan secara *dine-in*, bawa pulang, pandu lalu atau penghantaran bermula jam 6.00 pagi sehingga jam 10.00 malam.
- *Dine-in* dihadkan kepada dua (2) orang satu meja dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter.
- Pemilik restoran juga perlu memberi tugas kepada sekurang-kurangnya seorang pekerja bagi premis yang membenarkan *dine-in* untuk:
 - Memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke premis

- Memastikan kehadiran pekerja dan pelanggan direkodkan;
 - Penjarakan fizikal 1 meter semasa berada di premis
 - Menghadkan bilangan pelanggan berada di premis pada satu-satu masa.
-
- **Kebenaran ini berkuat kuasa esok, 10 Februari 2021.**

Aplikasi My-Sejahtera

- Sidang khas juga turut bersetuju untuk mewajibkan penggunaan aplikasi My Sejahtera di kawasan capaian internet yang luas.
- Hal ini kerana didapati bahawa pelanggan tidak mencatatkan nama dan nombor telefon yang betul dan ianya menyukarkan pengesanan kontak sekiranya berlaku kes positif COVID-19 di premis-premis terlibat.
- Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta.
- Walaubagaimanapun, pengecualian diberikan bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai capaian internet khususnya di kawasan kampung dan pedalaman.

Sektor Industri Kreatif

- Kerajaan juga mengambil maklum tentang rayuan-rayuan daripada industri kreatif untuk dibenarkan semula beroperasi.
- Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk membenarkan sektor industri kreatif beroperasi dengan pematuhan SOP yang ketat dan senarai sektor ini adalah seperti berikut:
 - Produksi Animasi / Muzik
 - Pasca-Produksi di Studio
 - Pembangunan Muzik Secara Digital
 - Rakaman Lagu di Studio
 - Pra-Produksi Penggambaran
 - Penggambaran di Studio (merangkumi drama, telemovie, iklan, dokumentari, sitcom, livestreaming, rakaman kebudayaan, seni dan warisan) tanpa penonton
- Kebenaran ini berkuatkuasa **10 Februari 2021**.

SOP terperinci boleh dirujuk di laman sesawang MKN <https://www.mkn.gov.my/>

Program Latihan MFL, MHL dan STL

- Kerajaan juga mendengar pembentangan daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) berkenaan permohonan kebenaran menjalankan Program Latihan berpusat bagi pasukan-pasukan dalam **Liga Bola sepak Malaysia (MFL)**, **Liga Hoki Malaysia (MHL)** dan **Liga Sepak Takraw (STL)**.

- Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, kerajaan bersetuju membenarkan Program Latihan berpusat bagi pasukan-pasukan dalam **Liga Bola sepak Malaysia (MFL), Liga Hoki Malaysia (MHL) dan Liga Sepak Takraw (STL)** bermula **Isnin, 15 Februari 2021**.
- Tempat latihan dan pergerakan atlet/pemain adalah terkawal mengikut model gelembung sukan (sports bubble). Penginapan atlet/pemain juga perlu mengikut SOP “Camp-Quarantine” dan “Home-Quarantine” yang telah ditetapkan;
- KBS juga telah membentangkan cadangan pembukaan beberapa aktiviti sukan khususnya yang bersifat individu serta tanpa sentuhan bagi tujuan kecergasan fizikal dan meningkatkan taraf kesihatan diri. Penelitian akhir sedang dibuat dan akan diumumkan dalam masa terdekat.

Penamatan PKPD Pusat Koreksional Dungun Dan Kwarters Kakitangan

- Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Pusat Koreksional Dungun dan Kwarters Kakitangan dan dijadualkan tamat pada 10 Februari 2021.
- Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 128 ujian saringan dan daripada jumlah itu sebanyak **51 kes positif COVID-19** telah direkodkan.
- Walaubagaimanapun, KKM mengesahkan baki kes positif di lokaliti ini menunjukkan penurunan serta tiada lagi sampel menunggu keputusan.

- Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk **menamatkan PKPD di Pusat Koreksional Dungun dan Kwarters Kakitangan, pada 10 Februari 2021** (esok) seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Orang Asli Batu 6, Jalan Pahang, Perak

- Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Orang Asli Batu 6, Jalan Pahang, Perak dan dijadualkan tamat pada 10 Februari 2021.
- Sehingga kini, KKM telah selesai melaksanakan **309 ujian saringan** dan daripada jumlah itu sebanyak **27 kes positif COVID-19** telah direkodkan.
- KKM mengesahkan kes terakhir yang dilaporkan adalah pada 4 Februari 2021 dan tiada baki sampel saringan yang sedang menunggu keputusan.
- Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk **menamatkan PKPD di Kampung Orang Asli Batu 6, Jalan Pahang, Perak pada 10 Februari 2021** (esok) seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Pusat Transit Tahanan (PTP) Penjara Marang

- Kerajaan juga sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Pusat Transit Tahanan (PTP) yang melibatkan **Blok Pusat Latihan Pegawai Penjara Zon 2 dan Zon 3**, Penjara Marang, Terengganu dan dijadualkan tamat pada 10 Februari 2021.
- Sehingga kini, KKM telah melaksanakan **76 ujian saringan** dan daripada jumlah itu sebanyak **38 kes positif COVID-19 telah direkodkan.**
- Walaubagaimanapun, KKM mengesahkan **kesemua 38 kes positif tersebut telah ditempatkan di PKRC** dan kesemua kontak rapat telah diletakkan di sel berasingan dan dipantau selama 14 hari.
- Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk **menamatkan PKPD di Pusat Transit Tahanan (PTP)** yang melibatkan Blok Pusat Latihan Pegawai Penjara Zon 2 dan Zon 3, Penjara Marang, Terengganu **pada 10 Februari 2021 (esok)** seperti yang dijadualkan

Task Force Operasi Pematuhan

- Semalam, sebanyak **3,147** Pasukan *Task Force Operasi Pematuhan Polis Diraja Malaysia (PDRM)* yang terdiri daripada **14,476** anggota telah melakukan **71,336** pemeriksaan bagi memantau dan menguatkuasa pematuhan SOP diseluruh negara.
- Sebanyak **3,902** pasar raya, **5,797** restoran, **1,735** kilang, **1,396** pasar awam/tani, **3,933** bank, **954** pejabat kerajaan, **3,518** tempat ibadah serta **1,616** tempat riadah telah diperiksa.
- Semalam, PDRM juga telah **menahan 745 individu** atas kesalahan ingkar arahan SOP.
- Daripada jumlah itu, **701** telah dikompaun, **41** individu direman manakala **tiga (3)** dijamin.

Antara kesalahan ingkar SOP termasuk:

- **Tiada penjarakan fizikal (156)**
- **Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran (151)**
- **Tidak memakai pelitup muka (129)**
- **Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran diri/pelanggan (112)**
- **Premis beroperasi lebih masa/tanpa kebenaran (57)**
- **Aktiviti pusat hiburan (13)**
- **Lain-lain (127)**

- Untuk makluman, kelab malam, pusat hiburan serta pusat karaoke hiburan masih tidak dibenarkan beroperasi sejak mula PKP dan masih kekal dalam senarai terlarang atau *negative list*.
- Statistik serbuan dan tangkapan oleh PDRM melibatkan pusat hiburan termasuk pub dan kelab malam sepanjang tempoh pelaksanaan PKP **dari 18 Mac 2020 sehingga 31 Januari 2021** adalah seperti berikut:
 - **Jumlah premis pusat hiburan diserbu: 951**
 - **Jumlah kompaun yang dikeluarkan: 9,587**
 - **Jumlah tangkapan: 4,666**

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG melibatkan;

- **Angkatan Tentera Malaysia (ATM),**
 - **Polis Diraja Malaysia (PDRM),**
 - **Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM),**
 - **Jabatan Imigresen Malaysia (JIM),**
 - **Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM),**
 - **Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM)**
- Semalam, Op BENTENG telah berjaya menahan **tiga (3) orang PATI** serta merampas enam **(6) buah kenderaan darat** dalam operasi yang diadakan di seluruh negara.
 - Dalam operasi itu juga, **135 buah bot/kapal turut dikesan** di perairan negara melalui **11 aktiviti penglihatan**.

- Sebanyak **543 Sekatan Jalan Raya (SJR)** Operasi BENTENG juga dilaksanakan diseluruh negara yang melibatkan pecahan seperti berikut:
 - **Op BENTENG/PENAWAR (PDRM, ATM dan RELA) – 487 SJR**
 - **Op BENTENG PDRM – 47 SJR**
 - **Op BENTENG AKSEM – 9 SJR**
- Saya juga ingin berkongsi kejayaan pelaksanaan Op BENTENG semalam di mana Op BENTENG Zon Utara Kelantan di **Kawasan Op MERPATI 8 Briged** telah mencatat kejayaan apabila **Batalion Ke-4 Rejimen Sempadan di Kg Lubok Stol, Rantau Panjang**, berjaya merampas **10 guni syabu seberat 402 kilogram yang bernilai lebih RM16 juta**.
- Rampasan dilakukan sekitar jam **10 pagi semalam di tebing Sungai Golok**.
- Ini antara kejayaan dan keberkesanan Op BENTENG yang dilaksanakan secara bersepadu bersama 19 agensi penguatkuasaan dan pasukan keselamatan negara diterajui ATM dalam mengawal ketat sempadan negara dari kemasukan PATI dan jenayah rentas sempadan.

Operasi Sanitasi Awam COVID-19

- Semalam, sebanyak **88 operasi sanitasi** telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi **41 Zon Merah, tiga (3) Zon Jingga, enam (6) Zon Kuning dan satu (1) Zon Hijau.**
- Ops Sanitasi Awam di bawah kawal selia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sejak 30 Mac 2020 telah melakukan **15,779 operasi sanitasi** merangkumi **146 zon iaitu zon merah (96), zon jingga (13), zon kuning (31) dan zon hijau (6).**
- Operasi ini melibatkan **556 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), 104 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 80 buah jentera JBPM.**

Kuarantin Wajib

- Semalam, **seramai 321 individu** tiba di semua pintu masuk antarabangsa negara dan kesemuanya telah dikuarantin wajib di stesen kuarantin seluruh negara.
- Secara kumulatif, mulai 24 Julai 2020 sehingga 8 Februari 2021, seramai **111,927 individu** telah pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa.
- Daripada jumlah itu, seramai **6,241 individu sedang menjalani kuarantin wajib** di 72 Hotel dan 13 premis lain termasuk Institut Latihan Awam (ILA) serta Institusi Pengajian Swasta di seluruh negara.
- Seramai **510 individu pula telah dibawa ke hospital** untuk

rawatan manakala **106,017 individu dibenarkan pulang.**

Saringan Wajib Pekerja Warga Asing

- Semalam, seramai **12,454 warga asing** telah menjalani ujian saringan COVID-19 dan daripada jumlah itu, **94 didapati positif COVID-19.**
- Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai **332,216 pekerja warga asing telah menjalani ujian** saringan COVID-19 yang melibatkan **14,568 majikan.**
- Daripada jumlah ini, sebanyak **6,375 telah disahkan positif** COVID-19 manakala **325,841 lagi adalah negatif.**
- Sehingga kini juga, sebanyak **1,322 buah klinik** telah terlibat dengan program saringan ini.
- Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah **diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.**

Barang Keperluan Asas

- Semalam, Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah membuat **792 pemantauan harian** ke atas 11 jenis bekalan barangan termasuk **peruncit (601), pemborong (159) dan pengilang (32).**

- Secara keseluruhan bekalan barangan keperluan mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara yang berterusan dan mudah diperolehi.
- Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP juga telah melakukan **2,206 pemeriksaan khas Pematuhan SOP PKP**.
- Daripada jumlah itu, **2,185 premis mematuhi SOP** ditetapkan, **enam (6) premis diberi nasihat**, **dua (2) diberi amaran** manakala **13 dikompaun**.

Berita Palsu

- Sehingga 8 Februari 2021, sebanyak **281 kertas siasatan** telah dibuka oleh PDRM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) berhubung berita palsu berkaitan COVID-19.
- Daripada jumlah ini, sebanyak **144 kes masih dalam siasatan**, **35 kes telah didakwa di mahkamah**, **12 kes diberi notis amaran**.
- Bagi kes yang telah didakwa di mahkamah, sehingga kini **21 telah didapati bersalah** manakala **13 lagi dalam proses perbicaraan**.
- Pasukan Respon Pantas (PRP) di bawah KKMM juga telah mengeluarkan sebanyak **426 penafian** dan penjelasan mengenai berita palsu berkaitan COVID-19.
- Orang ramai diingatkan supaya berhati-hati sebelum menyebarkan sebarang kandungan yang diragui kesahihannya. Anda juga boleh dikenakan tindakan jika menyebarkan perkara yang belum tentu sahih.

- Baru-baru ini, tular video lama mengaitkan pengumuman saya berkait hukuman pelanggaran SOP yang dimainkan semula bagi menimbulkan suasana panik dan kemarahan masyarakat.
- Ingin saya tegaskan di sini, video yang tular itu adalah video lama yang bertarikh 14 April 2020.
- Sekiranya terdapat sebarang berita yang diragui kesahihannya, anda boleh menyemak atau menyalurkan maklumat kepada PRP di talian **03-8911 5103** atau layari WWW.SEBENARNYA.MY.

Penutup

Walaupun kerajaan telah membuka beberapa lagi sektor, orang ramai adalah diingatkan untuk sentiasa mematuhi SOP dan mengamalkan kawalan sendiri bagi memastikan keselamatan diri, keluarga dan masyarakat.